Lembaga Pembangunan Langkawi
Aras 5, Kompleks LADA, Persiaran Putra
07000, Kuah Langkawi
KEDAH DARUL AMAN
No Tel : 04-9600626 No Fax : 04-9600509
Laman web : www.lada.gov.my

SIARAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN INISIATIF PELANCONGAN DI BAWAH PELAN HALA TUJU EKONOMI LANGKAWI (HELANG)

Pemulihan ekonomi Langkawi merupakan fokus utama Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) pada masa ini. Susulan daripada kemerosotan ekonomi dunia akibat penularan wabak pandemik COVID-19, Langkawi yang mempunyai kebergantungan tinggi kepada sektor pelancongan iaitu pada kadar 70 peratus, turut menerima kesan yang besar. Bagi mengelakkan industri pelancongan Langkawi lumpuh, LADA berusaha untuk mengembalikan semula kerancakan ekonomi pelancongan Langkawi dengan memperkenalkan inisiatif pelancongan di bawah Pelan Hala Tuju Ekonomi Langkawi (HELANG).

HELANG ini mempunyai 3 teras, 10 strategi dan 30 draf tindakan yang mana 3 daripada strategi utama adalah melibatkan sektor pelancongan Langkawi. Berikut adalah strategi yang dimaksudkan:

1. Menjenamakan semula Langkawi sebagai destinasi yang selamat, bersih dan lestari;
2. Mempromosikan pelancongan secara berfokus; dan
3. Pembukaan semula Langkawi sebagai destinasi pelancongan.

Pada hari ini, pelancaran inisiatif pelancongan di bawah pelan ini disempurnakan oleh YB. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia. Majlis pelancaran ini diadakan bertujuan untuk mengetengahkan inisiatif pelancongan, seterusnya mempromosikan usaha-usaha pemulihan ekonomi Langkawi dengan lebih berkesan. Terdapat 4 inisiatif yang dilancarkan seperti maklumat di bawah:

1. *Langkawi Great Sales (LGS)*

   i. *Langkawi Great Sales* merupakan program di bawah inisiatif untuk menjenamakan Langkawi sebagai destinasi yang bersih, selamat dan lestari. Program ini bertujuan untuk mempromosikan Langkawi yang terjejas akibat daripada wabak Covid-19. Program ini akan dilaksanakan bermula 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020. Manakala Majlis Pelancaran LGS akan diadakan pada 29 Ogos 2020 di Bangsar Village, Kuala Lumpur. Penganjuran program ini amat menitikberatkan penglibatan semua pemain industri pelancongan Langkawi yang terdiri daripada pengusaha produk pelancongan, pengusaha hotel, ejen pelancongan, pemandu pelancong serta pengusaha kedai bebas cukai.

   ii. Empat pakej utama akan ditawarkan dengan potongan harga yang istimewa kepada pelancong domestik iaitu *'Honeymoon Package', 'Family Package', 'Group Package' (Leisure)* dan *'Group Package' (MICE).* Pakej yang ditawarkan ini merangkumi penginapan, kenderaan, lawatan ke produk pelancongan serta pemberian *'voucher'* pembelian di produk-produk pelancongan yang terpilih.

2. *Langkawi Travel Fair (LTF)*

i. Inisiatif ini merupakan salah satu tindakan utama *post-Covid* bagi meningkatkan kemasukan pelancong domestik ke Langkawi sekaligus menjana semula ekonomi pemain industri serta penduduk Langkawi.

ii. Program LTF ini telah dijadualkan berlangsung dalam 4 siri iaitu masing-masing seperti maklumat di bawah:

- Sunway Pyramid Mall pada 21 hingga 23 Ogos 2020.
- Kelab Tasik Putrajaya *(networking session)* pada 24 Ogos 2020.
- IOI City Mall Putrajaya pada 4 hingga 6 September 2020.
- Pulau Pinang pada bulan September 2020

3. *7 Legendary Trails*

i. 7 Rentis Legenda Langkawi atau dipanggil *7 Legendary Trails* diwujudkan untuk memberi peluang kepada pelancong melancong di Pulau Langkawi mengikut rentis yang bersesuaian dengan kehendak pelancong. 7 rentis yang dimaksudkan ialah *Geo Trail, Eco Trail, Adventure Trail, Culture & Heritage Trail, Duty Free Shopping Trail, Leisure & Learning Trail dan Food Trail.* Perkenalan kepada inisiatif baru ini bakal menarik lebih ramai pengunjung untuk merasai dan menikmati pengalaman kepelbagaian pelancongan di Langkawi.

4. *Kuah Down Memory Lane Trail / Guide Book*

i. *Kuah Down Memory Lane Trail* merupakan satu aktiviti lawatan bersama pemandu pelancong untuk menyusuri dan mengimbau sejarah serta budaya masyarakat di Langkawi terutamanya di sekitar Kuah. Pengenalan produk pelancongan terbaru ini akan menawarkan pengalaman yang berbeza kepada pelancong dan seterusnya memberikan nilai tambah kepada Langkawi. Produk ini juga merupakan produk pelancongan baru yang diperkenalkan oleh Persatuan Pemandu Pelancong Langkawi (LTGA) dengan kerjasama LADA.

ii. Pengunjung akan memulakan pengembaraan dari pintu gerbang *The Westin Langkawi Resort and SPA* dan berakhir di Laman Mar-Mar dengan menyelami penceritaan kisah yang terperinci daripada pemandu pelancong. Perjalanan rentis ini akan melewati beberapa lokasi bersejarah seperti Jalan Pantai Dato' Syed Omar, Jeti Kuah, Dataran Lang, Taman Lagenda, *The Old Sanatorium*, Taman CHOGM, Padang Kelana FC, Masjid Al-Hana, Pekan Lama Kuah, dan Sungai Kuah. Jarak rentis bagi keseluruhan lawatan ini akan mengambil masa kira-kira 2 jam dengan jarak keseluruhan lokasi lawatan sepanjang 1.5 km.

Pada awal pengumuman HELANG ini dilaksanakan iaitu pada 31 Mei 2020 yang lalu, terdapat beberapa tindakan (*quick win*) telah disempurnakan di bawah strategi penjenamaan Langkawi iaitu '*Program Retraining and Upskilling'*. Program ini telah dijayakan dengan kerjasama *Langkawi Tourism Academy (LTA)* pada 5 hingga 17 Julai 2020. Program

ini telah memanfaatkan 80 orang *'tourism frontliners'* dengan matlamat meningkatkan kemahiran seterusnya mempelbagaikan kebolehan pemain industri serta mengurangi kebergantungan kepada industri pelancongan.

LADA berharap strategi-strategi serta tindakan yang telah dirangka dan dilancarkan pada kali ini bukan sahaja mampu mengembalikan pendapatan pelancongan di Langkawi malah, menjadikan Langkawi lebih kukuh dan berdaya tahan dalam mengharungi fasa pemulihan ekonomi yang masih tidak menentu. Penglibatan semua agensi kerajaan, pihak swasta, pemain industri, NGO dan komuniti setempat adalah tunjang utama bagi menghidupkan semula ekonomi pulau ini.

-TAMAT-

Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)
15 Ogos 2020

Untuk maklumat lanjut berhubung kenyataan/siaran media ini sila hubungi Unit Khidmat Korporat (LADA) di talian 04-9600626.